

**PEMERGIAN PELAJAR MELAYU KE MESIR DARI TAHUN
1910-AN HINGGA 1950-AN: CABARAN DAN IMPLIKASI**
**(Departure of Malay Students to Egypt from 1910's to 1950-an:
Challenges And Implications)**

Oleh:
Abu Hanifah Haris*

Abstrak

Jumlah pelajar Melayu yang melanjutkan pelajaran di Mesir telah menunjukkan peningkatan sejak tahun 1920-an. Meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan rintangan, namun jumlah pelajar Melayu yang melanjutkan pelajaran di Mesir mencatatkan peningkatan setiap tahun. Artikel ini membincangkan cabaran dan rintangan yang dihadapi oleh pelajar Melayu yang melanjutkan pelajaran di Mesir, khususnya di Universiti al-Azhar, Kaherah sejak tahun 1910-an hingga 1950-an. Kajian ini dilakukan berdasarkan kaedah kajian perpustakaan dengan meneliti dan menganalisis sumber primer dan sumber sekunder berkaitan cabaran dan rintangan yang dihadapi oleh pelajar Melayu bagi melanjutkan pelajaran di Mesir. Kajian ini mendapati bahawa pemergian pelajar Melayu ke Kaherah mendedahkan mereka kepada pelbagai cabaran dan rintangan, sama ada sebelum memulakan perjalanan, semasa dalam perjalanan dan selepas menamatkan perjalanan dan tiba di Mesir, khususnya proses mendapatkan pasport dan visa.

Kata Kunci: Mesir, Kaherah, Universiti al-Azhar, Pemergian, Cabaran.

Abstract

Number of Malay students studying in Egypt has improved since the 1920's. Despite facing many challenges and obstacles, but the number of Malay students studying in Egypt has increase every year. This article discusses the challenges and obstacles faced by Malay students studying in Egypt, especially in al-Azhar University, Cairo since the 1910's to the 1950's. Based on library research methods, this study examine and analyze primary sources and secondary sources related to the challenges and obstacles faced by Malay students for further studies in Egypt. This study found that the departure of Malay students to Cairo had expose them to a variety of challenges, either before starting the trip, during the trip, and after finishing the trip and arrived in Egypt, particularly the process of obtaining a passport and visa.

Keywords: Egypt, Cairo, al-Azhar University, Departure, Challenge.

* Abu Hanifah Haris merupakan calon Ijazah Doktor Falsafah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau boleh dihubungi melalui email: hanif_haris@yahoo.com.my

Pendahuluan

Menjelang tahun 1920, hubungan Mesir dengan masyarakat Melayu dapat dilihat melalui peningkatan jumlah pelajar Melayu yang menyambung pengajian di Mesir, khususnya di Universiti al-Azhar. Sebagai sebuah pusat pengajian tinggi tertua di dunia, Universiti al-Azhar mempunyai keistimewaan yang tersendiri kerana dianggap sebagai tempat belajar yang paling besar di Mesir dengan jumlah tenaga pengajar yang ramai. Pada tahun 1923, jumlah tenaga pengajar di Universiti al-Azhar misalnya mencecah 329 orang. Pelajarnya pula berjumlah 5,506 orang pelajar dan daripada jumlah pelajar tersebut, 4,900 pelajar daripadanya adalah rakyat Mesir sendiri. Tempat kedua diduduki oleh Ma^chad Tan^a yang mempunyai 112 orang guru dan 2,351 orang pelajar. Tempat yang ketiga pula merupakan Ma^chad al-Iskandariyyah yang memiliki 66 orang guru dan 1,058 orang pelajar.¹ Kemunculan Universiti al-Azhar di Kaherah sebagai pusat pembelajaran ilmu agama yang terkenal juga telah menarik kedatangan ramai pelajar Melayu untuk menyambung pengajian di Mesir.² Tambahan pula, kebanyakan pelajar Melayu yang sudah menamatkan pengajian di Makkah lazimnya menjadikan Kaherah sebagai pusat pengajian lanjutan bagi mengukuhkan lagi penguasaan ilmu agama Islam.³ Pelajar Melayu yang melanjutkan pelajar di Mesir juga berdepan dengan pelbagai cabaran dan rintangan, sama ada sebelum memulakan perjalanan, semasa dalam perjalanan atau selepas menamatkan perjalanan.

Keperluan Pasport

Pada tahun 1915, kerajaan British melalui Pejabat Tanah Jajahan menetapkan bahawa mana-mana individu yang mahu melanjutkan pelajaran atau melawat Mesir perlu mendapatkan pasport.⁴ Permohonan untuk mendapatkan pasport pula boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan khas.⁵ Kerajaan British juga telah memaklumkan penguatkuasaan peraturan tersebut dalam akhbar tempatan di United Kingdom.⁶ Bagi memastikan maklumat berkenaan penguatkuasaan peraturan tersebut diketahui umum, terdapat cadangan daripada pegawai British di

¹ *Pengasoh*, Jil. 7, No. 150, 17 Julai 1924, h. 11-12.

² John Gullick (1981), *Malaysia: Economic Expansion and National Unity*, London: Ernest Benn Limited, h. 39.

³ Untuk maklumat lanjut tentang pembaharuan pendidikan yang telah dijalankan di Universiti al-Azhar sejak akhir abad ke-19, lihat A.R. Elnakib (1980), “The Educational Reform of al-Azhar (1872-1972)”, Tesis Ph.D., University of Exeter.

⁴ Telegram daripada Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan kepada Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu (NNM), 8 November 1915, dalam HCO 2371/1915, All Person Desiring to Land Egypt in Future Must Be Provided with Passports.

⁵ Form of Application No. 16, dalam Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat (NNS), 29 Jun 1916, dalam HCO 1579/1916, Applications for Permission to Enter Egypt, Form of Application.

⁶ Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan kepada Gabenor NNS, 31 Mei 1916, dalam HCO 1308/1916, Regulations Now in Force Governing the Departure from and Entry Persons into Egypt.

Negeri-Negeri Selat (NNS) untuk memaklumkan penguatkuasaan peraturan tersebut dalam pelbagai akhbar di Tanah Melayu.⁷

Pada tahun 1916, kerajaan British menetapkan bahawa wanita dan kanak-kanak tidak dibenarkan pergi ke Mesir kecuali setelah mendapat kebenaran khas daripada Pegawai Tentera British. Secara umumnya, kebenaran untuk masuk ke Mesir hanya diberikan kepada wanita rakyat Mesir serta isteri pegawai British sahaja.⁸ Bermula pada 1 Februari 1920, kerajaan British menetapkan bahawa pemohon yang berumur 16 tahun dan ke atas perlu mendapatkan pasport untuk ke Mesir. Bagi mendapatkan visa, pemohon juga perlu memastikan pasport tersebut tidak dibuat melebihi tiga tahun pada tarikh ketibaan pemohon di Mesir. Selain itu, pemohon juga perlu mengemukakan gambar pemohon kepada Konsul British untuk mendapatkan visa.⁹ Pada tahun 1928, Penasihat British Kedah sekali lagi memaklumkan bahawa hanya pelajar Melayu yang berumur 16 tahun ke atas sahaja dapat melanjutkan pelajaran di Mesir.¹⁰

Permohonan pasport pula perlu dikemukakan terus kepada Pegawai Pasport di Pulau Pinang atau Singapura. Namun begitu, pelajar Melayu yang mahu mendapatkan pasport sering meminta pertolongan daripada kerajaan negeri. Pada tahun 1923, kerajaan Selangor misalnya telah menguruskan permohonan pasport Zainal Abidin bin Ibrahim yang berasal dari Setapak untuk melanjutkan pelajaran ke Mesir.¹¹ Pada 16 Disember 1929, permohonan dua orang pelajar Kedah yang mahu menyambung pelajaran di Mesir yang dikemukakan kepada kerajaan Kedah pula telah diserahkan kepada Pegawai Pasport Pulau Pinang untuk diuruskan.¹² Permohonan mereka kemudian telah diluluskan dan dua pasport telah dikeluarkan pada 20 Disember 1929.¹³

Permohonan untuk mendapatkan pasport bagi memasuki Mesir juga melibatkan beberapa proses yang agak ketat. Bagi mendapatkan pasport, pemohon perlu mendapatkan surat pengenalan terlebih dahulu bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran di Mesir. Pada tahun 1924, dua orang pelajar kembar iaitu

⁷ Staf Am NNS kepada Setiausaha NNS, 8 Julai 1916, dalam HCO 1308/1916, *Regulations Now in Force Governing the Departure from and Entry Persons into Egypt*.

⁸ Telegram daripada Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan kepada Pesuruhjaya Tinggi NNM, 1 Februari 1916, dalam HCO 220/1916, *Ladies and Children Will Not Be Permitted to Disembark at Egypt without Permission of the General Office Commanding the Forces in Egypt*.

⁹ Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan kepada Penasihat British Kelantan, 5 April 1920, dalam Kel K. 761/1920, *Passport to Egypt*. Lihat juga Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan kepada Penasihat British Kedah, 5 April 1920, dalam SUK Kedah 2398/1338, *Passport to Egypt*.

¹⁰ SUK Kedah 13/1346, *Perkara Pasport Bagi Orang Negeri Kedah Yang Hendak Pergi ke Mesir*.

¹¹ Government of the Federated Malay States, *Form of Statutory Declaration*, 26 March 1923, dalam Sec. Sel. 1583/1923, *The Zainal Abidin bin Ibrahim, Passport Proceed to Egypt*.

¹² Pembantu Penasihat British Kedah kepada Pegawai Pasport Pulau Pinang, 16 Disember 1929, dalam SUK Kedah 1987/1348, *Haji Kassim and Haji Ramli bin Haji Salleh Apply for Passports to Proceed to Egypt*.

¹³ Pegawai Pasport Pulau Pinang kepada Pembantu Penasihat British Kedah, 20 Disember 1929, dalam SUK Kedah 1987/1348, *Haji Kassim and Haji Ramli bin Haji Salleh Apply for Passports to Proceed to Egypt*. Dua pasport tersebut ialah No. 405 dan No. 406.

Abdullah Shahabudin dan Ahmad Jamaludin yang merupakan anak Haji Ya'cob iaitu Kadi Baling, Kedah pernah memohon surat pengenalan daripada Sultan Kedah bagi membolehkan mereka mendapatkan pasport.¹⁴ Permohonan untuk mendapatkan pasport dan surat pengenalan pula memerlukan pemohon mengemukakan dua keping gambar.¹⁵ Pemohon juga perlu mendapatkan surat pengesahan bahawa mereka berkelakuan baik serta bebas daripada masalah disiplin serta rekod jenayah. Pada tahun 1925, dua orang pelajar yang berasal dari Alor Setar, Kedah iaitu Mansur bin Abid dan Abdul Latip bin Ahmed pernah memohon surat pengesahan tersebut daripada Shaykh al-Islām (Mufti) Kedah.¹⁶

Keperluan Visa

Pemergian pelajar Melayu ke Mesir juga memerlukan visa. Pada tahun 1926, kerajaan British menetapkan bahawa mana-mana rakyat British yang mahu ke Mesir perlu mendapatkan visa Mesir terlebih dahulu.¹⁷ Walau bagaimanapun, peraturan tersebut masih gagal dipatuhi oleh ramai rakyat British yang tiba di Mesir kerana mereka beranggapan bahawa pengesahan pasport sahaja sudah mencukupi.¹⁸ Kegagalan ramai rakyat British mengemukakan visa ketika tiba di Mesir menyebabkan kerajaan British mewajibkan setiap pengembara dibekalkan dengan slip khusus yang perlu diselitkan di dalam setiap pasport sebelum dikemukakan kepada Pegawai Konsul British untuk disahkan.¹⁹ Pegawai Pasport Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) juga telah diberikan kuasa untuk mengeluarkan visa Mesir kepada rakyat British secara percuma, selain perlu mendapatkan visa dari Pegawai Konsul Mesir.²⁰ Selain NNMB, penduduk Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) juga boleh memohon visa daripada Pegawai Konsul Mesir.²¹ Bagi negara yang tidak mempunyai Pegawai Konsul

¹⁴ Abdullah Shahabudin dan Ahmad Jamaludin kepada Sultan Kedah, 10 Rabiul Akhir 1342/19 November 1923, dalam SUK Kedah 869/1342, Ask for a Passport and Letter of Identity in Order to Travel in Egypt.

¹⁵ Setiausaha Rendah Kerajaan Kedah kepada Pegawai Daerah Baling, 19 Rabiul Akhir 1342/28 November 1923, dalam SUK Kedah 869/1342, Ask for a Passport and Letter of Identity in Order to Travel in Egypt.

¹⁶ Shaykh al-Islām Kedah kepada Setiausaha Kerajaan Kedah, 16 Zulhijjah 1343 (8 Julai 1925), dalam SUK Kedah 2755/1343, Mansur bin Abid and Abdul Latip Pupils of the Arabic School, Limbong Kapal Asks to Proceed to Egypt for the Purpose of Futhering Their Education. Sekolah Arab di Limbong Kapal yang dimaksudkan ialah Madrasah Hamidiah, Limbong Kapal, Kedah yang telah diasaskan oleh Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidek pada tahun 1920. Lihat Khoo Kay Kim (1980), "Perkembangan Pelajaran Agama Islam", dalam Awang Had Salleh (ed.), *Pendidikan Ke Arah Perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 10-11.

¹⁷ Setiausaha Rendah Pejabat Luar kepada Pegawai Konsul British di Eropah, Asia dan Afrika Utara, 19 October 1926, dalam FOT. 12436/2648/378.

¹⁸ Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan kepada Pesuruhjaya Tinggi NNM, 5 November 1926, dalam Sec. Sel. 3772/1924, Visas for British Subjects Wishing to Proceed to Egyptian.

¹⁹ Setiausaha Rendah Pejabat Luar kepada Pegawai Konsul British di Eropah, Asia dan Afrika Utara, 26 Februari 1927, dalam SUK Kedah 2845/1345, Necessity of Visas for Landing in Egypt.

²⁰ Setiausaha Rendah NNMB kepada Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi NNM, 24 Jun 1927, dalam HCO 1079/1926, Applications for Permission to Enter Egypt, Office to Which They Should Be Addressed.

²¹ Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi NNM kepada Setiausaha Rendah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB), 27 Jun 1927, dalam SUK Kedah 2845/1345, Necessity of Visas for landing in Egypt.

Mesir, permohonan untuk mendapatkan visa boleh dibuat kepada Pegawai Konsul British yang mewakili kerajaan Mesir.²²

Pada tahun 1927, kerajaan Mesir menetapkan bahawa pemberian visa kepada rakyat British yang mahu pergi ke Mesir hanya sah untuk sekali perjalanan sahaja. Setelah perbincangan dilakukan dengan kerajaan British, maka tempoh sah visa tersebut telah dilanjutkan kepada setahun. Pada masa hadapan, kerajaan Mesir bercadang untuk memberikan visa kepada individu yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh untuk menyara kehidupan mereka di Mesir sahaja. Selain itu, mana-mana individu yang mahu tinggal di Mesir perlu mendapatkan kebenaran khusus jika diperlukan.²³

Keperluan Syarat-Syarat Tambahan

Bermula pada tahun 1937, kerajaan Mesir mewajibkan setiap pelajar yang mahu pergi ke Mesir perlu mengemukakan seorang penjamin dengan mengisi borang khas bagi mengelakkan mereka terkandas sewaktu berada di Mesir.²⁴ Selain visa dan pasport, kerajaan Mesir juga menetapkan beberapa keperluan lain seperti sijil pengesahan bahawa pemohon tidak pernah terlibat dalam aktiviti jenayah dan berkelakuan baik, dan sijil pengesahan bahawa pemohon mempunyai perbelanjaan yang cukup di Mesir.²⁵ Pemohon juga perlu mengemukakan surat yang mengesahkan kedatangan pemohon ke Mesir untuk menyambung pengajian berserta nama dan alamat penjamin, nama pusat pengajian dan sebab pemohon mahu melanjutkan pengajian di Mesir. Pengesahan bertulis daripada pusat pengajian bahawa pemohon merupakan pelajar mereka yang sah berserta resit bayaran yuran pengajian sekurang-kurangnya enam bulan juga perlu diperoleh.²⁶

Kemusnahan yang dialami akibat Perang Dunia Kedua menyebabkan proses mendapatkan pasport termasuklah untuk perjalanan ke Mesir berdepan sedikit masalah. Pada tahun 1947, ketiadaan perkhidmatan menyediakan pasport menyebabkan kerajaan Tanah Melayu di bawah pentadbiran Malayan Union menetapkan bahawa individu yang mahu pergi ke Mesir perlu mendapatkan *Emergency Certificate* atau Sijil Darurat di Kuala Lumpur atau Pulau Pinang bagi rakyat negeri naungan British. Bagi rakyat negara luar, mereka perlu mendapatkan sijil tersebut dari negara asal mereka. Visa juga perlu dipohon daripada kerajaan

²² Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan kepada Pesuruhjaya Tinggi NNM, 5 Ogos 1924, dalam Sec. Sel. 3772/1924, Visas for British Subjects Wishing to Proceed to Egyptian.

²³ Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan kepada Pesuruhjaya Tinggi NNM, 22 Oktober 1927, dalam SUK Kedah 2845/1345, Necessity of Visas for Landing in Egypt.

²⁴ Pegawai Pasport Singapura kepada Penasihat British Kelantan, 10 April 1937, dalam Kel. K. 389/1937, Passport to India, Saudi Arabia and Egypt, Application for Passport by Mohamad Salleh bin Ali.

²⁵ Extract from Egyptian Passport and Visa Regulations, Kel. K. 389/1937, Passport to India, Saudi Arabia and Egypt, Application for Passport by Mohamad Sali bin Ali.

²⁶ *Ibid.*

Mesir melalui Jabatan Imigresen Tanah Melayu dan prosedur tersebut memakan masa antara dua hingga tiga bulan.²⁷

Mulai tahun 1949, kerajaan Mesir menetapkan bahawa mana-mana pelajar Melayu yang mahu menyambung pelajaran agama peringkat tinggi di Mesir bukan sahaja perlu berkelakuan baik, bahkan perlu mempunyai pasport yang sah, pandai membaca dan bertutur dalam bahasa Arab serta mempunyai sumber kewangan yang cukup ketika menyambung pengajian di sana. Menurut Presiden Persatuan Pendakwah Islam Tanah Melayu iaitu Sayyid Ibrahim bin Omar al-Sagoff, mereka perlu mendapatkan deklarasi daripada beliau sebelum diberikan kepada Pegawai Imigresen Singapura.²⁸ Selain itu, mereka yang berumur 15 tahun dan ke atas sahaja yang dibenarkan menyambung pengajian di Mesir, malah kerajaan Mesir juga menetapkan kuota sebanyak 20 orang sahaja setiap tahun bagi pengambilan pelajar Melayu untuk belajar di Mesir.²⁹ Walau bagaimanapun, Setiausaha Rendah kerajaan Mesir telah memberi jaminan kepada Pegawai Imigresen Singapura bahawa kerajaan Mesir tiada masalah untuk memberikan visa kepada pelajar Tanah Melayu jika mereka memenuhi syarat-syarat tersebut, dan bersedia untuk menyediakan kemudahan kepada pelajar Melayu di Mesir.³⁰

Cabarán Mendapatkan Pasport, Visa dan Surat Pengenalan

Ketiadaan maklumat dan dokumen yang lengkap juga menyebabkan beberapa pasport yang telah dikeluarkan kepada pelajar Melayu yang ingin melanjutkan pelajaran ke Mesir telah ditolak oleh Pegawai Polis Tanah Melayu. Pada tahun 1925, Mohamed bin Haji Mahmood yang berasal dari Kedah berdepan dengan masalah setelah pasport beliau tidak diterima oleh Ketua Pegawai Polis Pulau Pinang. Meskipun pasport tersebut disahkan oleh Penolong Penasihat British Kedah, namun ketiadaan maklumat lengkap seperti yang disyaratkan oleh kerajaan Mesir bagi pelajar yang mahu melanjutkan pelajaran ke Mesir menyebabkan Ketua Pegawai Polis Pulau Pinang menolak pasport tersebut.³¹ Pada tahun 1927, Ketua Pegawai Polis Pulau Pinang telah menolak pasport dua orang pelajar dari Kedah yang ingin melanjutkan pelajaran di Mesir iaitu Yasin bin Musa dan Haji Misa bin Tok Hitam setelah mendapat pasport mereka tidak sah.³²

Selain pasport, ketiadaan visa juga akan mengganggu dan menghalang perjalanan pelajar Melayu untuk melanjutkan pelajaran ke Mesir. Pada tahun 1947, terdapat empat orang pelajar Melayu dari Kelantan yang menghadapi masalah untuk berlepas ke Mesir walaupun sudah menyediakan semua keperluan yang ditetapkan

²⁷ Timbalan Ketua Setiausaha kepada Pesuruhjaya Residen Kedah, 18 April 1947, dalam MU 5238/1947, Procedure Regarding the Issue of Passports to People Proceeding to Egypt.

²⁸ "Facilities for Students", *The Singapore Free Press*, 1 October 1949, h. 5.

²⁹ "Student Must Be 'of Good Behavior'", *The Straits Times*, 5 October 1949, h. 5.

³⁰ "Facilities for Students", *The Singapore Free Press*, 1 October 1949, h. 5.

³¹ Ketua Pegawai Polis Pulau Pinang kepada Pesuruhjaya Polis Kedah, 11 Ogos 1925, dalam SUK Kedah 238/1346, Issue of British Passports to the Natives of Kedah Travelling to Egypt.

³² Ketua Pegawai Polis Pulau Pinang kepada Penasihat British Kedah, 19 Julai 1927, dalam SUK Kedah 238/1346, Issue of British Pasports to the Natives of Kedah Travelling to Egypt.

termasuklah pasport.³³ Setelah diperiksa, Pesuruhjaya Residen Pulau Pinang kemudian menjelaskan bahawa masalah tersebut berpunca daripada kegagalan mereka untuk mendapatkan visa Mesir yang perlu dipohon kepada Setiausaha Jabatan Pasport dan Kewarganegaraan di bawah Kementerian Dalam Negeri Mesir di Kaherah.³⁴

Terdapat juga pelajar yang mahu melanjutkan pelajaran di Mesir berhadapan dengan masalah permohonan pasport yang tertangguh akibat penyebaran berita mengenai pergolakan politik yang sedang berlaku di Mesir. Pada 5 November 1930, Haji Mohamed Noor bin Haji Abdullah dan ayahnya mahu menemui Penasihat British Kedah bagi membincangkan permohonan pasport bagi membolehkan beliau melanjutkan pelajar di Mesir.³⁵ Pada 25 Februari 1931, Penasihat British Kedah telah meminta Pengarah Perisikan Jenayah di Singapura memaklumkan kepada beliau mengenai keadaan politik di Mesir, iaitu sejauh mana keadaan tersebut dapat mempengaruhi pembelajaran dan penempatan para pelajar.³⁶ Pada 13 Mei 1931, Pengarah Perisikan Jenayah di Singapura memaklumkan bahawa keadaan politik Mesir adalah lebih baik berbanding situasi politik di Jawa atau India. Tambahan pula, keadaan sosial dan taraf kehidupan di Mesir juga tidak sama dengan keadaan di Tanah Melayu.³⁷ Pada 10 Jun 1931, permohonan untuk mendapatkan pasport telah dikemukakan kepada Pegawai Pasport Pulau Pinang.³⁸ Namun begitu, Haji Mohamed Noor akhirnya berjaya mendapatkan pasport pada 20 Jun 1931.³⁹

Proses mendapatkan pasport atau visa yang agak lambat juga menyebabkan beberapa pemohon mengambil keputusan untuk berangkat terlebih dahulu ke tempat yang dituju sebelum urusan tersebut selesai. Pada tahun 1927, Muhammad Daud bin Haji Sulaiman yang berasal dari Kelantan pernah memohon pasport untuk ke Mesir.⁴⁰ Namun begitu, ketiadaan Mohammad Daud yang telah

³³ Telegram daripada Raja Muda Kelantan kepada Pesuruhjaya Residen Pulau Pinang, 23 September 1947, dalam RCP/SUL/1261/1947, Asisstance to 4 Kelantan Boys in Obtaining Passports to Egypt.

³⁴ Pesuruhjaya Residen Pulau Pinang kepada Raja Muda Kelantan, 24 September 1947, dalam RCP/SUL/1261/1947, Asisstance to 4 Kelantan Boys in Obtaining Passports to Egypt.

³⁵ Shaykh al-Islām Kedah kepada Penasihat British Kedah, 5 November 1930, dalam SUK Kedah 1749/1349, Haji Mohamed Noor bin Haji Abdullah Asks to Proceed to Egypt to Further His Study. Haji Mohamed Noor bin Haji Abdullah berasal dari Alor Pulai, Mukim Tebengau, Kedah.

³⁶ Penasihat British Kedah kepada Pengarah Perisikan Jenayah di Singapura, 25 Februari 1931, dalam SUK Kedah 1749/1349, Haji Mohamed Noor bin Haji Abdullah Asks to Proceed to Egypt to Further His Study.

³⁷ Pengarah Perisikan Jenayah, Singapura kepada Penasihat British Kedah, 13 Mei 1931, dalam SUK Kedah 1749/1349, Haji Mohamed Noor bin Haji Abdullah Asks to Proceed to Egypt to Further His Study.

³⁸ Penasihat British Kedah kepada Pegawai Pasport Pulau Pinang, 10 Jun 1931, dalam SUK Kedah 1749/1349, Haji Mohamed Noor bin Haji Abdullah Asks to Proceed to Egypt to Further His Study. Gambar Haji Mohamed Noor dan wang tunai \$5.00 sebagai yuran pendaftaran turut dikemukakan kepada Pegawai Pasport Pulau Pinang.

³⁹ Penasihat British Kedah kepada Shaykh al-Islām Kedah, 20 Jun 1931, dalam SUK Kedah 1749/1349, Haji Mohamed Noor bin Haji Abdullah Asks to Proceed to Egypt to Further His Study.

⁴⁰ Dato' Perdana Menteri Kelantan kepada Penasihat British Kelantan, 11 April 1928, dalam Kel. PM 1099/1927, Pohonkan Surat Pasport Belayar ke Mesir Kerana Menuntut Pengetahuan.

berangkat ke Makkah untuk menunaikan haji menyebabkan gambar dan wang tunai \$5.00 milik beliau yang diperlukan bagi proses mendapatkan pasport ke Mesir telah dipulangkan semula kepada ayahnya.⁴¹ Kes yang sama juga berlaku pada tahun 1947 apabila permohonan visa yang dibuat oleh Hussain bin Idrus Jamalullail untuk ke Mesir. Visa beliau telah diluluskan pada bulan Januari 1947, namun visa tersebut tidak dituntut kerana beliau sudah berangkat ke Makkah.⁴² Urusan mendapatkan pasport atau visa yang memakan masa dan melibatkan banyak proses juga menyebabkan beberapa pemohon telah meminta pertolongan daripada saudara, kenalan atau penjamin mereka bagi mempercepatkan urusan tersebut. Pada tahun 1928, seorang pelajar dari Kedah iaitu Haji Yahya bin Haji Zakaria telah mewakilkan dua orang penjaminnya untuk memohon pasport ke Mesir bagi memastikan urusan permohonan berjalan lancar.⁴³ Pada tahun 1929, Haji Jusoh bin Ismail dan sahabatnya Haji Kassim bin Lebai Idris telah memohon pasport bagi anak Haji Jusoh iaitu Ismail yang akan menyambung pengajian di Mesir selama lima tahun.⁴⁴ Pada 23 Disember 1929, permohonan tersebut telah dihantar kepada Pegawai Pasport Pulau Pinang bersama-sama gambar dan yuran pendaftaran sebanyak \$5.⁴⁵ Permohonan tersebut kemudian telah diluluskan dan pasport tersebut telah dihantar kepada Pembantu Penasihat Kedah pada 2 Januari 1930.⁴⁶ Pada tahun 1947, Mohammad Hussain Bakar Rafei juga telah memohon pertolongan saudaranya yang ketika itu berada di Mesir untuk mendapatkan visa Mesir. Dokumen berkaitan permohonan visa tersebut kemudian telah dihantar kepada Jabatan Imigresen Tanah Melayu.⁴⁷

Permohonan penjawat awam atau orang kenamaan untuk mendapatkan pasport bagi membolehkan ahli keluarga atau saudara-mara mereka melanjutkan pelajaran di Mesir pula selalunya lebih cepat dan kurang berdepan dengan masalah kerana mereka boleh mengemukakan terus permohonan kepada sultan atau golongan berpengaruh dalam kepimpinan kerajaan negeri. Pada 4 Mac 1934, Omar bin Sulong yang merupakan kerani di Pejabat Tanah Kota Bharu pernah memohon bantuan Dato' Megat Lela Diraja untuk mendapatkan pasport bagi membolehkan

⁴¹ Dato' Perdana Menteri Kelantan kepada Penasihat British Kelantan, 15 April 1928, dalam Kel. PM 1099/1927, Pohonkan Surat Pasport Belayar ke Mesir Kerana Menuntut Pengetahuan.

⁴² Timbalan Pegawai Imigresen Pulau Pinang kepada Ketua Setiausaha Malayan Union, 21 Julai 1947, dalam MU 8067/1947, Permission for the Che Muhammad Hussain Bakar Rafei to Enter Egypt.

⁴³ Mat Saman bin Haji Salim kepada Setiausaha Kerajaan Kedah, 17 Shaaban 1928/ 9 Februari 1928, dalam SUK Kedah 1989/1346, Applies for a Passport to Egypt.

⁴⁴ Ismail bin Haji Jusoh dan Haji Kassim bin Lebai Idris juga sanggup menghantar wang perbelanjaan sebanyak \$25.00 sebulan. Bagi menjamin Ismail bin Haji Jusoh terus diberikan elauan tetap sebanyak &25.00 sebulan, mereka berdua juga telah mengisyitiharkan harta masing-masing sebagai jaminan. Ismail bin Haji Jusoh misalnya mempunyai harta berjumlah \$3,020.00 manakala harta Haji Kassim bin Lebai Idris pula berjumlah sekitar \$4,100.00. Lihat Haji Kassim bin Lebai Idris dan Haji Jusoh bin Ismail kepada Setiausaha Kerajaan Kedah, 8 Rejab 1348 (10 Disember 1929), dalam SUK Kedah 2067/1348, Sending of Ismail bin Haji Jusoh to Egypt for Religious Study.

⁴⁵ Penasihat British Kedah kepada Pegawai Pasport Pulau Pinang, 23 Disember 1929, dalam SUK Kedah 2067/1348, Sending of Ismail bin Haji Jusoh to Egypt for Religious Study.

⁴⁶ Pegawai Pasport Pulau Pinang kepada Pembantu Penasihat British Kedah, 2 Januari 1930, dalam SUK Kedah 2067/1348, Sending of Ismail bin Haji Jusoh to Egypt for Religious Study.

⁴⁷ Timbalan Pegawai Imigresen Pulau Pinang kepada Ketua Setiausaha Malayan Union, 21 Julai 1947, dalam MU 8067/1947, Permission for the Che Muhammad Hussain Bakar Rafei to Enter Egypt.

anaknya iaitu Haji Ishak bin Omar yang sedang belajar di Makkah untuk melanjutkan pelajaran di Mesir.⁴⁸ Sehari kemudian, Penasihat British Kelantan telah meminta bantuan Konsul British di Jeddah agar dapat membantu Haji Ishak menguruskan dokumen yang diperlukan untuk memasuki Mesir khususnya pasport bagi membolehkan beliau melanjutkan pelajaran di sana.⁴⁹

Pada 29 Ogos 1934, Nik Abdul Rahman bin Haji Hassan iaitu Ketua Kerani di Pejabat Pegawai Daerah Pasir Mas, Kelantan telah memohon kepada Penasihat British Kelantan agar dapat membantu beliau mendapatkan pasport untuk anaknya, Nik Hassan yang akan melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar. Beliau akan berlepas ke Mesir pada 16 September 1934 melalui pelabuhan Pulau Pinang.⁵⁰ Pada tarikh yang sama, Penasihat British Kelantan telah memohon pertolongan Pegawai Pasport Singapura agar dapat mempercepatkan proses mendapatkan pasport untuk Nik Hassan bin Nik Abdul Rahman.⁵¹ Pada 31 Ogos 1934, Pegawai Pasport Singapura memaklumkan bahawa proses mendapatkan pasport untuk Nik Hassan bin Nik Abdul Rahman tidak dapat dilaksanakan selagi kebenaran untuk menyambung pengajian di Mesir belum diperoleh daripada kerajaan Mesir, sebagaimana yang termaktub dalam *Passport and Visa Regulations* yang dikeluarkan oleh Kementerian Luar Mesir pada tahun 1921.⁵²

Pelajar Melayu di Mesir yang mahu pulang ke Tanah Melayu juga perlu mempunyai pasport. Pada tahun 1925, ketiadaan pasport menyebabkan Haji Abdul Majid bin Haji Awang yang berasal dari Sungai Merbok, Kedah dan sedang belajar di Universiti al-Azhar terpaksa memohon pasport daripada kerajaan British di Tanah Melayu untuk pulang semula ke Kedah.⁵³ Pada tahun

⁴⁸ Omar bin Sulong kepada Dato' Megat Lela Diraja Kelantan, 4 Mac 1934, dalam Kel. K. 839/1932, Petition from Haji Wan Musa Seeking Assistant of Government to Produce Passport for His son, Now in Mecca Who Intends to Visit Palestine and Egypt.

⁴⁹ Penasihat British Kelantan kepada Konsul British di Jeddah, 5 Mac 1934, dalam Kel. K. 839/1932, Petition from Haji Wan Musa Seeking Assistant of Government to Produce Passport for His son, Now in Mecca Who Intends to Visit Palestine and Egypt. Haji Ishak bin Omar telah menyambung pengajian di Makkah sejak tahun 1928 sebelum berhasrat melanjutkan pelajaran di Mesir pada tahun 1934.

⁵⁰ Pegawai Daerah Pasir Mas kepada Penasihat British Kelantan, 29 Ogos 1934, dalam Kel. K. 752/1934, Application from Nik Abdul Rahman, Chief Clerk, District Office, Pasir Mas for a British Passport for His Son, Nik Hassan Who Wishes to Proceed to Egypt to Prosecute His Studies. Nik Abdul Rahman turut menghantar wang sebanyak \$8 sebagai bayaran pasport serta gambar anaknya iaitu Nik Hassan.

⁵¹ Penasihat British Kelantan kepada Pegawai Pasport Singapura, 29 Ogos 1934, dalam Kel. K. 752/1934, Application from Nik Abdul Rahman, Chief Clerk, District Office, Pasir Mas for a British Passport for His Son, Nik Hassan Who Wishes to Proceed to Egypt to Prosecute His Studies.

⁵² Pegawai Pasport Singapura kepada Penasihat British Kelantan, 31 Ogos 1934, dalam Kel. K. 752/1934, Application from Nik Abdul Rahman, Chief Clerk, District Office, Pasir Mas for a British Passport for His Son, Nik Hassan Who Wishes to Proceed to Egypt to Prosecute His Studies.

⁵³ Antara syarat mendapatkan pasport untuk pulang ke Tanah Melayu ialah pengesahan tentang identiti dan asal usul pemohon, iaitu sama ada pemohon merupakan rakyat mana-mana negeri Melayu ataupun penduduk NNS. Pihak imigresen juga akan menyiasat terlebih dahulu identiti dan asal-usul pemohon sebelum mereka diberikan pasport. Lihat Penasihat British Kedah kepada Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi NNM, 3 Disember 1925, dalam SUK Kedah 1158/1344, Haji Abdul Majid bin Haji Awang, A Native of Kedah, Now in Egypt, Applies for a Passport to Return to Kedah.

1915, latar belakang seorang pelajar dari Kelantan dan dua orang pelajar dari Johor yang sedang menuntut ilmu di Mesir misalnya pernah disiasat latar belakang mereka oleh Pesuruhjaya Tinggi Mesir.⁵⁴ Setelah siasatan terperinci dijalankan bagi mengetahui latar belakang dan identiti sebenar mereka, barulah ketiga-tiga mereka diberikan pasport dan dibenarkan pulang ke negeri masing-masing.⁵⁵

Selain pasport, pelajar Melayu di Mesir yang mahu pulang ke Tanah Melayu juga perlu mempunyai surat pengenalan. Pada tahun 1924, Haji Abdullah bin Haji Ibrahim yang berada di Mesir pernah memohon kepada kerajaan Kedah untuk mendapatkan surat pengenalan bagi membolehkan beliau pulang semula ke Kedah.⁵⁶ Keperluan kepada pasport bukan hanya terhad kepada pelajar Melayu di Mesir yang mahu pulang ke Tanah Melayu, tetapi juga kepada pelajar Melayu di Mesir yang mahu melawat negara lain. Pada tahun 1930, Mohammad Samman yang berasal dari Kedah dan telah kehilangan pasport ketika berada di Mesir terpaksa memohon pasport baru dari Kedutaan British di Mesir bagi membolehkannya pergi ke Makkah untuk menunaikan ibadah haji.⁵⁷

Kesukaran yang dialami oleh pelajar Melayu di Mesir untuk mendapatkan pasport dan dokumen-dokumen yang berkaitan menyebabkan beberapa pihak termasuklah persatuan yang mewakili pelajar Melayu di Mesir berasa terpanggil untuk membantu dalam memudahkan proses tersebut. Pada tahun 1958, Persekutuan Melayu Mesir (PMM) telah meminta agar kerajaan Tanah Melayu menyediakan kemudahan yang lebih mencukupi dan lebih lengkap bagi mendapatkan pasport Tanah Melayu di Mesir. Permintaan tersebut telah disuarakan oleh PMM kepada wakil kerajaan Tanah Melayu iaitu Syed Ahmad Shahabudin yang telah melawat Mesir.⁵⁸

Rakyat Mesir yang berada di luar negara termasuklah di Tanah Melayu juga diberi kelonggaran untuk mendapatkan pasport. Bagi memastikan penduduk Mesir tidak berhadapan dengan masalah khususnya untuk pulang semula ke Mesir, manapun individu yang mengakui dirinya sebagai rakyat Mesir boleh dikeluarkan pasport atau pas pelawat Mesir buat sementara waktu sehinggalah dia tiba di Mesir. Selain itu, individu tersebut juga dikehendaki melengkapkan borang soal

⁵⁴ Telegram daripada Pesuruhjaya Tinggi Mesir kepada Gabenor NNS, 2 Disember 1915, dalam HCO 2441/1915, Return to Malaya of Ahmad Ali Kelantan, Mohamed Sayid Johor, Abu Mansur Johor.

⁵⁵ Gabenor NNS kepada Pesuruhjaya Tinggi Mesir, 21 November 1915, dalam HCO 2441/1915, Return to Malaya of Ahmad Ali Kelantan, Mohamed Sayid Johor, Abu Mansur Johor.

⁵⁶ Haji Abdullah kepada Sultan Kedah, 1 Safar 1342/12 September 1923, dalam SUK Kedah 512/1342, Haji Abdullah bin Haji Ibrahim, A Native of Kedah, Now in Egypt, Applies for a Letter of Identity to Enable Him to Return to Malaya.

⁵⁷ Mohammad Samman kepada Konsul Jeneral British Mesir, 8 Mac 1930, dalam SUK Kedah 3291/1348, Mohamed Sulaiman Samman Samun, A Native of Kedah, Now in Egypt, Applies for a Passport.

⁵⁸ "2 Request from Cairo", *The Straits Times*, 22 April 1958, h. 7.

selidik yang diberikan.⁵⁹ Bagi memastikan kebaikan rakyat British yang mahu mencari pekerjaan di Mesir terbela, kerajaan British telah mengarahkan Pegawai dan Konsul Kawalan Pasport memastikan mereka mempunyai keperluan hidup yang mencukupi, atau terdapat jaminan untuk mendapat pekerjaan ketika tiba di Mesir.⁶⁰

Pemergian ke pelajar Melayu ke Mesir juga melibatkan kos perbelanjaan yang agak tinggi, sekaligus menyebabkan segelintir pelajar Melayu yang berminat untuk menyambung pengajian di Mesir tetapi kurang berkemampuan terpaksa memohon bantuan kewangan lain. Antara badan kewangan yang sering menjadi tumpuan pelajar Melayu bagi membayai perjalanan ke Mesir ialah Baitulmal. Pada tahun 1925, seorang guru agama di Kedah pernah memohon bantuan Baitulmal negeri Kedah untuk membayai perjalanannya ke Mesir.⁶¹ Namun begitu, keputusan mesyuarat yang diadakan pada 29 Jun 1925 telah menolak permohonan beliau.⁶²

Cabaran Ketika Berlepas Ke Kaherah

Perjalanan ke Mesir yang memakan masa yang agak lama juga menyebabkan segelintir ibu bapa menghantar sendiri anak mereka sehingga tiba di Mesir. Pada tahun 1912, Ahmad bin Haji Muhammad Saud Sambas telah menghantar sendiri anaknya berumur 10 tahun untuk belajar di Mesir. Tiga bulan sebelumnya, dua orang pelajar Melayu masing-masing berumur 10 dan 15 tahun telah tiba di Mesir untuk menyambung pengajian. Namun begitu, kedatangan mereka telah menimbulkan kehairanan kepada penduduk Mesir kerana mereka hanya datang berdua dan tidak ditemani oleh sesiapa.⁶³ Selain itu, terdapat juga ibu bapa yang sanggup mengambil cuti untuk ke pelabuhan Singapura bagi menghantar anak

⁵⁹ Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan kepada Pesuruhjaya Tinggi NNM, 11 April 1923, dalam SUK Kedah 2112/1341, Conditions under Which Passports and Laissez-Passer Can Be Issued to Persons Claiming Egyptian Nationality.

⁶⁰ Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan kepada Pesuruhjaya Tinggi NNM, 5 April 1922, dalam HCO 418/1922, British Subjects in the Unfederated Malay State Who May Apply for Passports or Visas with a View to Proceeding to Egypt; Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan kepada Pesuruhjaya Tinggi NNM, 5 April 1922, dalam SUK Kedah 1989/1340, Instruction Regarding the Granting of Passports to British Subjects and Aliens Proceeding to Egypt to Obtain Employment; Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan kepada Penasihat British Kelantan, 5 April 1922, dalam Kel. K. 647/1922, British Subjects in Egypt Who Have Either Because Destitute or Resorted to Undesirable Methods of Obtaining a Livelihood Owing to the Difficulty of Obtaining Employment; Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan kepada Pesuruhjaya Tinggi NNM, 5 April 1922, dalam Sec. Sel. 2038/1922, Lack of Employment in Egypt, Repatriation of Destitute British Subjects, Precaution to be Taken in the Case of British Subject Applying for Passports on Visas to Egypt.

⁶¹ Shaykh al-Islām Kedah kepada Setiausaha Kerajaan Kedah, 22 Syawal 1343/16 Mei 1925, dalam SUK Kedah 2320/1343, Mohamed bin Haji Mahmud, Koran Teacher, Jalan Bahru, Applies for a Grant of Passage Money to Egypt.

⁶² Setiausaha Rendah Kerajaan Kedah kepada Shaykh al-Islām Kedah, 23 Zulhijjah 1343/15 Julai 1925, dalam SUK Kedah 2320/1343, Mohamed bin Haji Mahmud, Koran Teacher, Jalan Bahru, Applies for a Grant of Passage Money to Egypt.

⁶³ *Neracha*, Jil. 3, Bil. 63, 11 Disember 1912, h. 4. Ahmad bin Haji Muhammad Saud Sambas merupakan pelajar Madrasah Mustafā Pāshā, Mesir. Beliau telah membawa bersama-sama anaknya untuk sama-sama menyambung pengajian di Mesir.

mereka melanjutkan pengajian di Mesir. Pada 3 Oktober 1929, Ketua Jajahan Kota Bharu, Kelantan memaklumkan bahawa Haji Abdul Rahman, Penggawa Chetok telah memohon cuti selama tiga minggu mulai 5 Oktober 1929 untuk ke pelabuhan Singapura bagi menghantar anaknya melanjutkan pelajaran di Mesir.⁶⁴ Beliau hanya kembali bertugas pada 26 Oktober 1929.⁶⁵ Pada tahun 1929, Ketua Jajahan Kota Bharu, Kelantan memaklumkan bahawa Haji Awang, Penggawa Pasir Mas telah memohon cuti daripada Ketua Jajahan Kota Bharu selama 15 hari mulai 1 Oktober 1929 untuk menghantar anaknya melanjutkan pelajaran ke Mesir di pelabuhan Singapura.⁶⁶

Pemergian pelajar Melayu ke Kaherah juga agak mencabar dan berbahaya. Secara umumnya, kebanyakan pelajar Melayu ini berlepas ke Mesir daripada pelabuhan Singapura dan Pulau Pinang menggunakan kapal milik British dan Perancis. Namun begitu, terdapat juga beberapa pelajar Melayu yang belayar ke Mesir menggunakan kapal milik negara lain, sekaligus mengundang pelbagai bahaya. Dua orang anak kadi berasal dari Baling, Kedah yang menumpang kapal milik Jepun untuk ke Mesir misalnya bukan sahaja tidak tiba di Mesir, bahkan kedudukan mereka tidak dapat dikesan selepas berlepas dari pelabuhan Pulau Pinang pada 22 Februari 1924. Ibu bapa mereka juga hanya berjaya mendapatkan semula peti barang anak mereka sahaja.⁶⁷

Sebagai salah seorang pelajar yang pernah melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar iaitu Shaykh Muhammad Idris al-Marbawi ada memberikan lima panduan utama kepada pelajar Melayu yang ingin menyambung pengajian di Kaherah bagi memastikan perjalanan mereka berjalan lancar dan mengelakkan diri mereka daripada ditipu.⁶⁸ Pertama, pelajar tersebut perlulah mendapatkan pasport British terlebih dahulu bagi mengelakkan mereka daripada berhadapan dengan kesusahan ketika tiba di Port Said atau Port Tawfiq akibat ketiadaan pasport. Hal ini kerana mereka bukan sahaja boleh ditahan, malah dalam sesetengah keadaan akan dihantar semula ke Tanah Melayu. Kedua, pelajar tersebut perlu berikhtiar agar

⁶⁴ Ketua Jajahan Kota Bharu kepada Setiausaha Kerajaan Kelantan, 3 Oktober 1929, dalam Kel. K. 958/1929, Haji Abdul Rahman Penggawa Chetok Pohonkan Cuti Selama 3 Minggu Kerana Hendak Menghantarkan Anaknya ke Mesir. Haji Abdul Rahman merupakan Penggawa Chetok iaitu sebuah mukim dalam jajahan Pasir Mas. Sepeninggalan beliau ke Singapura, tugas sebagai Penggawa Chetok digantikan oleh anak saudaranya iaitu Ali bin Haji Abdullah.

⁶⁵ Ketua Jajahan Kota Bharu kepada Setiausaha Kerajaan Kelantan, 13 November 1929, dalam Kel. K. 958/1929, Haji Abdul Rahman Penggawa Chetok Pohonkan Cuti Selama 3 Minggu Kerana Hendak Menghantarkan Anaknya ke Mesir.

⁶⁶ Ketua Jajahan Kota Bharu kepada Setiausaha Kerajaan Kelantan, 16 Oktober 1929, dalam Kel. K. 1007/1929, Haji Awang Penggawa Pasir Mas Telah Pohon Bercuti Selama 15 Hari Mulai Daripada 1 Oktober 1929 Kerana Hendak Menghantarkan Anaknya ke Mesir. Sepeninggalannya ke Singapura, tugas sebagai Penggawa Pasir Mas digantikan oleh menantunya iaitu Haji Othman.

⁶⁷ *Pengasoh*, Jil. 7, No. 148, 17 Jun 1924, h. 2-3.

⁶⁸ Shaykh Muhammad Idris al-Marbawi mempunyai pengalaman yang luas tentang keadaan di Mesir dan mengenali pelbagai aspek berkaitan pembelajaran di Universiti al-Azhar. Hal ini kerana sejak beliau menyambung pengajian di Universiti al-Azhar pada tahun 1924, beliau terus menetap di Mesir selepas menamatkan pengajian. Beliau hanya pulang ke tanah air pada tahun 1967 dan menetap di Perak. Lihat William R. Roff (1970), “Indonesian and Malay Students in Cairo in the 1920’s”, *Indonesia*, No. 9, h. 76.

dapat berlepas ke Mesir menggunakan kapal British atau Perancis bagi mengelakkan mereka daripada tersesat atau tidak sampai ke Mesir.⁶⁹

Ketiga, seelok-eloknya pelajar tersebut menghantar dahulu surat atau telegram bagi memaklumkan kedatangan mereka kepada pihak Universiti al-Azhar, sahabat-sahabat mereka di Mesir atau kepada Ketua Pelajar Semenanjung Tanah Melayu, Shakhy Haji Abdullah al-Kedahi bagi membolehkan sekurang-kurangnya seorang wakil dapat menyambut mereka seterusnya membawa mereka ke stesen keretapi, sekaligus dapat mengelakkan mereka daripada ditipu. Keempat, pelajar tersebut perlulah sentiasa menjaga barang mereka sepanjang perjalanan, sentiasa menunjukkan pasport kepada pegawai yang memeriksa di dalam kapal, segera ke pejabat kesihatan bagi membayar yuran kuarantin sebaik tiba di pelabuhan, menunjukkan pasport kepada pengawal di Port Said, segera membawa barang mereka ke pejabat cukai sehingga diberikan surat pengesahan, dan terus ke Universiti al-Azhar menggunakan keretapi. Kelima, jika keadaan kurang sesuai untuk terus ke Universiti al-Azhar, pelajar tersebut juga boleh menginap di hotel berhampiran Port Said dengan bayaran kurang daripada \$1.⁷⁰

Wan Mokhtar Ahmad, bekas Menteri Besar Terengganu (1974-1999) yang menyambung pengajian di Mesir pada tahun 1955 juga pernah menceritakan pengalamannya ke Mesir menggunakan kapal laut. Wan Mokhtar dan rakannya, Tengku Alwi telah berlepas dari Pelabuhan Pulau Pinang menuju ke Port Said di Mesir menggunakan kapal bernama *Chusan* milik syarikat perkapalan P&O.⁷¹

⁶⁹ *Pengasoh*, Jil. 7, No. 148, 17 Jun 1924, h. 2. Dato' Laksamana Perak iaitu Mohamed Razalli yang melawat Mesir pada tahun 1949 misalnya berlepas ke Mesir daripada pelabuhan Pulau Pinang menaiki sebuah kapal bernama *Steel Traveller* milik syarikat perkapalan Amerika Syarikat. Lihat Raja Mohd. Nordin al-Haj (1952), *Meninjau ka-Masir dan Mekkah*, Seremban: Commercial Press, h. 3.

⁷⁰ *Pengasoh*, Jil. 7, No. 148, 17 Jun 1924, h. 3. Terdapat juga laporan yang menyatakan perkhidmatan hotel di Mesir yang kurang memuaskan. Pada tahun 1918, Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan memaklumkan bahawa hotel di Mesir bukan sahaja sukar diperolehi, bahkan kadar sewa yang dikenakan juga agak mahal. Lihat Telegram, From The Secretary of States for the Colonies, To The Governor of the Straits Settlements, 5 December 1918, dalam HCO 2050/1918, Hotel Acomodation Extremely Scarce and Price Very High in Egypt, Passengers for UK Should Embark in Vesels Which Do Not Tranship in Egypt. Shaykh Muhammad Idris al-Marbawi juga ada memberikan panduan mengenai perbelanjaan bulanan bagi seorang pelajar di Mesir, khususnya bagi pelajar yang tidak dapat menginap di rumah wakaf yang disediakan oleh pihak Universiti al-Azhar. Anggaran perbelanjaan bulanan yang dicadangkan ialah sebanyak \$25.00 sebulan iaitu bagi perbelanjaan sewa rumah, makanan, pakaian dan buku rujukan. Selain itu, pelajar yang kurang menguasai bahasa Arab atau kurang terdedah kepada kurikulum yang diajar di Universiti al-Azhar juga boleh mendapatkan guru khusus dengan bayaran sekurang-kurangnya \$4 sebulan. Jika mereka tidak berminat untuk mempelajari ilmu agama semata-mata, maka mereka boleh memasuki madrasah yang mengajar kedua-dua ilmu agama dan akademik, selain madrasah yang mengejar ilmu perniagaan, pertukangan dan pertanian dengan kadar yuran kurang daripada £30 setahun. Lihat *Pengasoh*, Jil. 7, No. 148, 17 Jun 1924, h. 3.

⁷¹ Syarikat Perkapalan P & O atau nama lengkapnya *Peninsular & Oriental Steam Navigation Company* (P&O) merupakan sebuah syarikat perkapalan British yang diasaskan pada tahun 1835. Kapal bernama *Chusan* pula telah dibeli dengan harga £19,000 dan memulakan perjalanan sulung pada 15 Mei 1852 dari Southampton, England dan tiba di Sydney, Australia pada 4 Ogos 1852. Lihat Freda Harcourt (2006), *Flagships of Imperialism: The P&O Company and the Politics of Empire from Its Origins to 1867*, Manchester: Manchester University Press, h. 178.

Perjalanan beliau ke Port Said berlangsung dalam keadaan yang agak selesa dan mengambil masa sekitar tujuh hari. Sebaik tiba di Port Said, beliau telah disambut oleh Ahmad Omar, bekas guru beliau di Madrasah Sultan Zainal Abidin yang sedang melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar. Perjalanan dari Port Said ke bandar Kaherah memakan masa hampir dua jam. Beliau menetap selama dua hari di Hotel Parlimen yang terletak berhampiran pasar besar Kaherah sebelum menguruskan pendaftaran di Universiti al-Azhar.⁷²

Penyebaran wabak kolera (taun) di Mesir pada akhir tahun 1940-an juga menyebabkan beberapa peraturan telah dilaksanakan bagi mengawal wabak tersebut, termasuklah bagi pelajar Melayu yang berangkat ke Mesir untuk melanjutkan pelajaran. Mulai bulan Disember 1947, kerajaan Mesir telah menetapkan bahawa mana-mana penumpang atau krew kapal yang melalui Terusan Suez mestilah disuntik dengan vaksin kolera meskipun mereka tidak pernah singgah di Pelabuhan Said atau Pelabuhan Suez. Bagi mengelakkan penyebaran wabak kolera, negeri-negeri Melayu juga telah mewajibkan pengambilan suntikan vaksin kolera bagi pelajar Melayu yang ingin berangkat ke Mesir. Suntikan tersebut pula boleh diambil di hospital kerajaan ataupun di Institut Penyelidikan Perubatan, Kuala Lumpur. Tiket perjalanan ke Mesir juga hanya akan diberikan kepada penumpang yang mempunyai Sijil Suntikan sahaja.⁷³

Kesimpulan

Pemergian pelajar Melayu ke Kaherah mendedahkan mereka kepada pelbagai cabaran dan rintangan, sama ada sebelum memulakan perjalanan, semasa dalam perjalanan dan selepas menamatkan perjalanan dan tiba di Mesir. Antara cabaran terbesar yang dihadapi sebelum memulakan perjalanan ialah proses mendapatkan pasport, visa dan surat pengenalan. Semasa dalam perjalanan ke Mesir, pelajar Melayu bukan sahaja berdepan pelbagai masalah khususnya tempoh perjalanan yang memakan masa yang lama, tetapi juga menghadapi ancaman wabak kolera. Selepas tiba di Kaherah, pelajar Melayu juga berhadapan dengan masalah karenah birokrasi di Port Said bagi membayar cukai dan menguruskan pasport, selain perjalanan ke Universiti al-Azhar yang turut mengambil masa yang agak lama. Walaupun berdepan pelbagai cabaran, namun jumlah pelajar Melayu yang melanjutkan pelajar di Mesir terus meningkat sejak tahun 1920-an sehingga Perang Dunia Kedua. Hal ini membuktikan bahawa pelajar Melayu sanggup berdepan dengan pelbagai cabaran dan rintangan demi menuntut ilmu dalam bidang agama di Mesir khususnya di Universiti al-Azhar, Kaherah.

⁷² Wan Mokhtar Ahmad (2008), *Muzakkirah: Sebuah Autobiografi Suku Abad Menerajui Kerajaan Terengganu*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 12-14.

⁷³ M. E. O. Circular No. 28 of 1947, 31 December 1947, dalam Sec. Perak 2840/1947, M. O. E. (Malayan Establishment Officer) No. 27 of 1927, Cholera Inoculation for Passangers Passion Through Egypt.

Rujukan

Elnakib, A.R. (1980), “The Educational Reform of al-Azhar (1872-1972)”, Tesis Ph.D., University of Exeter.

Gullick, John (1981), *Malaysia: Economic Expansion and National Unity*, London: Ernest Benn Limited.

Harcourt, Freda (2006), *Flagships of Imperialism: The P&O Company and the Politics of Empire from Its Origins to 1867*, Manchester: Manchester University Press.

HCO 2371/1915, All Person Desiring to Land Egypt in Future Must Be Provided with Passports.

HCO 2441/1915, Return to Malaya of Ahmad Ali Kelantan, Mohamed Sayid Johor, Abu Mansur Johor.

HCO 220/1916, Ladies and Children Will Not Be Permitted to Disembark at Egypt without Permission of the General Office Commanding the Forces in Egypt.

HCO 1308/1916, Regulations Now in Force Governing the Departure from and Entry Persons into Egypt.

HCO 1579/1916, Applications for Permission to Enter Egypt, Form of Application.

HCO 2050/1918, Hotel Accommodation Extremely Scarce and Price Very High in Egypt, Passengers for UK Should Embark in Vessels Which Do Not Tranship in Egypt.

HCO 418/1922, British Subjects in the Unfederated Malay State Who May Apply for Passports or Visas with a View to Proceeding to Egypt.

HCO 1079/1926, Applications for Permission to Enter Egypt, Office to Which They Should Be Addressed.

Kel K. 761/1920, Passport to Egypt.

Kel. K. 647/1922, British Subjects in Egypt Who Have Either Because Destitution or Resorted to Undesirable Methods of Obtaining a Livelihood Owing to the Difficulty of Obtaining Employment.

Kel. K. 958/1929, Haji Abdul Rahman Penggawa Chetok Pohonkan Cuti Selama 3 Minggu Kerana Hendak Mengantarkan Anaknya ke Mesir.

Kel. K. 1007/1929, Haji Awang Penggawa Pasir Mas Telah Pohon Bercuti Selama 15 Hari Mulai Daripada 1 Oktober 1929 Kerana Hendak Menghantarkan Anaknya ke Mesir.

Kel. K. 839/1932, Petition from Haji Wan Musa Seeking Assistant of Government to Produce Passport for His son, Now in Mecca Who Intends to Visit Palestine and Egypt.

Kel. K. 752/1934, Application from Nik Abdul Rahman, Chief Clerk, District Office, Pasir Mas for a British Passport for His Son, Nik Hassan Who Wishes to Proceed to Egypt to Prosecute His Studies.

Kel. K. 389/1937, Passport to India, Saudi Arabia and Egypt, Application for Passport by Mohamad Salleh bin Ali.

Kel. PM 1099/1927, Pohonkan Surat Pasport Belayar ke Mesir Kerana Menuntut Pengetahuan.

Khoo Kay Kim (1980), “Perkembangan Pelajaran Agama Islam”, dalam Awang Had Salleh (ed.), *Pendidikan Ke Arah Perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

MU 5238/1947, Procedure Regarding the Issue of Passports to People Proceeding to Egypt.

MU 8067/1947, Permission for the Che Muhammad Hussain Bakar Rafei to Enter Egypt.

Neracha, Jil. 3, Bil. 63, 11 Disember 1912.

Pengasoh, Jil. 7, No. 148, 17 Jun 1924.

Pengasoh, Jil. 7, No. 150, 17 Julai 1924.

Raja Mohd. Nordin al-Haj (1952), *Meninjau ka-Masir dan Mekkah*, Seremban: Commercial Press.

RCP/SUL/1261/1947, Asisstance to 4 Kelantan Boys in Obtaining Passports to Egypt.

Roff, William R. (1970), “Indonesian and Malay Students in Cairo in the 1920’s”, *Indonesia*, No. 9, hlm. 73-87.

Sec. Perak 2840/1947, M. O. E. (Malayan Establishment Officer) No. 27 of 1927, Cholera Inoculation for Passangers Passion Through Egypt.

Sec. Sel. 2038/1922, Lack of Employment in Egypt, Repatriation of Destitute British Subjects, Precaution to be Taken in the Case of British Subject Applying for Passports on Visas to Egypt.

Sec. Sel. 1583/1923, The Zainal Abidin bin Ibrahim, Passport Proceed to Egypt.

Sec. Sel. 3772/1924, Visas for British Subjects Wishing to Proceed to Egyptian.

SUK Kedah 2398/1338, Passport to Egypt.

SUK Kedah 1989/1340, Instruction Regarding the Granting of Passports to British Subjects and Aliens Proceeding to Egypt to Obtain Employment.

SUK Kedah 2112/1341, Conditions under Which Passports and Laissez-Passer Can Be Issued to Persons Claiming Egyptian Nationality.

SUK Kedah 512/1342, Haji Abdullah bin Haji Ibrahim, A Native of Kedah, Now in Egypt, Applies for a Letter of Identity to Enable Him to Return to Malaya.

SUK Kedah 869/1342, Ask for a Passport and Letter of Identity in Order to Travel in Egypt.

SUK Kedah 2320/1343, Mohamed bin Haji Mahmud, Koran Teacher, Jalan Bahru, Applies for a Grant of Passage Money to Egypt.

SUK Kedah 2755/1343, Mansur bin Abid and Abdul Latip Pupils of the Arabic School, Limpong Kapal Asks to Proceed to Egypt for the Purpose of Futhering Their Education.

SUK Kedah 1158/1344, Haji Abdul Majid bin Haji Awang, A Native of Kedah, Now in Egypt, Applies for a Passport to Return to Kedah.

SUK Kedah 2845/1345, Necessity of Visas for Landing in Egypt.

SUK Kedah 13/1346, Perkara Pasport Bagi Orang Negeri Kedah Yang Hendak Pergi ke Mesir.

SUK Kedah 238/1346, Issue of British Passports to the Natives of Kedah Travelling to Egypt.

SUK Kedah 1989/1346, Applies for a Passport to Egypt.

SUK Kedah 1987/1348, Haji Kassim and Haji Ramli bin Haji Salleh Apply for Passports to Proceed to Egypt.

SUK Kedah 2067/1348, Sending of Ismail bin Haji Jusoh to Egypt for Religious Study.

SUK Kedah 3291/1348, Mohamed Sulaiman Samman, A Native of Kedah, Now in Egypt, Applies for a Passport.

SUK Kedah 1749/1349, Haji Mohamed Noor bin Haji Abdullah Asks to Proceed to Egypt to Further His Study.

The Singapore Free Press, 1 October 1949.

The Straits Times, 5 October 1949.

The Straits Times, 22 April 1958.

Wan Mokhtar Ahmad (2008), *Muzakkirah: Sebuah Autobiografi Suku Abad Menerajui Kerajaan Terengganu*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.